

# Ke arah sifar kematian di jalan raya

Kerajaan lancar Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

## PUTRAJAYA

**K**erajaan melancarkan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030 dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara sifar kematian akibat nahas jalan raya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, melalui pelan itu, kerajaan menetapkan sasaran pengurangan jumlah kematian akibat nahas jalan raya sekurang-kurangnya pada kadar 50 peratus pada tahun 2030, berbanding jumlah kematian yang direkodkan pada 2019.

Menurutnya, hala tuju ter-

sebut selaras seruan dan sasaran resolusi 74/299 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengisytiharkan 2021-2030 sebagai dekad tindakan keselamatan yang kedua sejarus tamatnya dekad yang pertama, pada 2020 yang lalu.

“Pelan ini membuktikan usaha berterusan kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan melindungi kebajikan semua pengguna jalan raya di Malaysia,” katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan dan Ops Bersepadu Raya sempena Tahun Baharu Cina Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 di sini pada Khamis.

Sementara itu, Ka Siong berkata, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 418,237 kes nahas jalan raya telah direkodkan pada tahun 2020 dengan 4,634 kematian.

Bagi tempoh Januari sehingga September 2021 pula, katanya, sebanyak 255,532 kes direkodkan dengan 3,302 kes kematian.



**Ka Siong (tiga dari kanan) bersama pemandu e-hailing pada Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan dan Ops Bersepadu Raya sempena Tahun Baharu Cina Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 di Putrajaya pada Khamis.**

“Penurunan bilangan kematian akibat nahas jalan raya berlaku secara mendadak pada 2020, berbanding tahun-tahun sebelumnya.

“Ini secara korelasinya ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah mengurangkan jumlah kenderaan di atas jalan raya dan seterusnya menurunkan angka korban jalan raya.

“Had pergerakan ekoran pan-

demik Covid-19 di negara ini telah berjaya mengurangkan kadar kematian di jalan raya bukan sahaja di Malaysia, malah juga di seluruh dunia. Rata-rata negara telah mencatatkan kadar penurunan kes kematian jalan raya sehingga 20 peratus termasuklah di negara kita iaitu penurunan sebanyak 25 peratus bagi tahun 2020,” jelasnya.

Katanya, berdasarkan data

Ops Selamat 16 PDRM, sebanyak 23,208 kes kemalangan jalan raya dilaporkan dengan 206 kes kemalangan maut dan 230 kes kematian telah direkodkan sepanjang tempoh pelaksanaan Ops Selamat Tahun Baharu Cina pada tahun 2020.

Jelasnya, kadar kematian sebanyak 230 pengguna jalan raya dalam tempoh dua minggu itu amat membimbangkan.